

Lima IPT teruskan usaha Kampus Hijau

Kuala Lumpur: Bagi merealisasikan usaha menjadikan kawasan kampus bersih, mesra alam dan mampan, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) menjalinkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara terutama meneruskan inisiatif Kampus Hijau yang sudah dilaksanakan jabatan itu sebelum ini.

Khamis lalu, lima IPT iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Sains Malaysia (USM) melaksanakan pembentangan mengenai seperti membabitkan cadangan atau perkongsian mengenai usaha mengutamakan bahan kitar semula, sisa pepejal serta alam sekitar.

Ketua Pegawai Eksekutif PPSPPA Datuk Ab Rahim Md Noor berkata, selain memberi sokongan dan kepakaran untuk melaksanakan program tertentu, objektif inisiatif Kampus Hi-

jau itu bertujuan mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar melalui aktiviti harian.

“Menerusi inisiatif itu, kriteria yang diberikan perhatian antaranya pembangunan infrastruktur mesra alam, usaha kecekapan tenaga dan pengurusan sisa pepejal selain penggunaan sumber air, pengangkutan mesra alam serta pengajian ke arah kelestarian alam.

“Antara amalan yang dilaksanakan di IPT adalah

penjimatian sumber tenaga, air dan kertas termasuk mengutamakan amalan 3R (Kurangkan, Guna Semula dan Kitar Semula), penggunaan produk mesra alam serta zon tanpa kenderaan bermotor,” katanya pada sidang media selepas Pertandingan Pidato Alam Lestari antara IPT Piala Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) di sini, semalam.



Ab Rahim (dua kanan) ketika penyampaian hadiah pada majlis Pertandingan Pidato Alam Lestari antara Institusi Pengajian Tinggi 2014 Piala Menteri KPKT di UPNM, Sungai Besi.